

**GARIS PANDUAN STATUS PENILAIAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN,
KRITERIA-KRITERIA LULUS DAN TATACARA PERMOHONAN MENDUDUKI
SEMULA PEPERIKSAAN BAGI KURSUS-KURSUS PENSIJILAN
INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan kepada peserta kursus pensijilan industri yang ingin mengetahui status penilaian keputusan peperiksaan, kriteria-kriteria untuk lulus dan tatacara permohonan menduduki semula peperiksaan bagi kursus-kursus pensijilan.

2. STATUS PENILAIAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

Penilaian bagi semua kursus-kursus pensijilan Jabatan ini diberi dengan status keputusan berikut:

2.1 **LULUS**, iaitu LULUS kertas peperiksaan yang diduduki;

2.2 **GAGAL (1)**, iaitu GAGAL kali pertama dan diberikan dua (2) kali lagi percubaan untuk mengulang kertas peperiksaan tersebut;

2.3 **GAGAL (2)**, iaitu GAGAL kali kedua dan diberikan satu (1) kali lagi percubaan untuk mengulang kertas peperiksaan tersebut; dan

2.4 **GAGAL (3)**, iaitu GAGAL kali ketiga dan tiada lagi percubaan untuk mengulang kertas peperiksaan tersebut. Untuk kompeten, pegawai berkenaan perlu melalui semula proses pensijilan yang lengkap dari awal.

3. KRITERIA-KRITERIA LULUS BAGI KEPUTUSAN PEPERIKSAN

Keputusan peperiksaan yang dikeluarkan adalah keputusan yang telah dimuktamadkan dan telah melalui Jawatankuasa Panel Penilai Kursus-Kursus Pensijilan Jabatan Alam Sekitar dengan penetapan kriteria-kriteria berikut;

3.1 Markah peperiksaan adalah sekurang-kurangnya pada paras 70 peratus minimum;

3.2 Memenuhi semua syarat-syarat kursus (menyiapkan kertas kerja, hadir kursus setiap hari dan mengambil bahagian dalam setiap modul kursus); dan

3.3 Etika ketika peperiksaan (tidak disabitkan kesalahan meniru, membawa nota, menggunakan telefon bimbit dan apa-apa kesalahan semasa peperiksaan).

4. RAYUAN

Keputusan rasmi yang dikeluarkan adalah **SAH** dan **MUKTAMAD**. Sebarang bentuk rayuan berhubung semakan semula keputusan peperiksaan adalah tidak dilayan.

5. SYARAT UNTUK MENDUDUKI SEMULA PEPERIKSAAN.

Peserta yang ingin menduduki semula peperiksaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

- 5.1 Peserta hanya perlu menduduki semula peperiksaan pada kertas yang **GAGAL** sahaja; dan
- 5.2 Tempoh untuk menduduki semula peperiksaan adalah satu (1) tahun dari tarikh keputusan peperiksaan kali pertama dikeluarkan atau maksimum tiga (3) kali mengulang sahaja; yang mana terdahulu.

6. TATACARA PERMOHONAN MENDUDUKI SEMULA PEPERIKSAAN

Borang permohonan yang lengkap dengan dokumen sokongan berserta bayaran penuh perlulah dihantar kepada alamat di bawah. Borang permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

Pengarah
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
SELANGOR

7. DOKUMEN SOKONGAN DAN BAYARAN

Setiap permohonan perlulah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:

- 7.1 Borang permohonan seperti di **LAMPIRAN 1**;
- 7.2 Salinan keputusan peperiksaan; dan
- 7.2 Bayaran menduduki semula peperiksaan.

Bayaran sebanyak **Ringgit Malaysia Empat Ratus (RM400.00)** akan dikenakan bagi menduduki semula peperiksaan dan perlulah dihantar bersama borang permohonan. Resit bayaran akan dikemukakan kemudian. Invois hanya dikeluarkan atas permintaan.

Permohonan menduduki semula peperiksaan kali keempat atau selepas melebihi tempoh setahun tidak akan diproses.

Permohonan yang tidak disertakan dengan bayaran juga tidak akan diproses.

8. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai untuk semua kursus pensijilan industri EiMAS.



ENVIRONMENT INSTITUTE OF MALAYSIA

EiMAS

Phone : 03-8926 1500

Fax : 03-8926 1700

(Attn. : Mr. Wan Khairuldin Wan Ismail)

**FOR OFFICE
USE ONLY**

Applicant No:

EXAMINATION APPLICATION FORM
(For re-sit applicant)

1. *Examination Code:

- CePSWaM
- CePBFO
- CePSO
- CePIETSO BP
- CePIETSO PCP
- CePPOME
- CePSTPO
- CePLTPO
- CePSWaM Automotif
- Other; please specify:.....

2. Examination Paper:

- Written Examination
- Practical Examination

(For re-sit – Practical or Written or Both RM400 will be charged -)

3. Examination Date: dd mm yyyy
 -

4. Examination Venue:

5. Name :

6. I/C No. :

7. **Date Attend Course: until

8. Mailing Address :

9. Invoicing Address:
(Company Name and address)

10. Contacts Tel No. (0): Fax No. (0):

Person in charge : E-mail :
(Finance Department)

11. Examination Fees: RM -

12. Payment Method: Cash :

Cheque:

Cheque No:

*** Payment by cheque should be made payable to **PENGARAH INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)**.

13. I hereby certify that the above statements are true and complete.

Date : 2 0

Signature of applicant

NOTE;

- *CePSWaM** = Course for Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management
- CePBFO** = Course for Certified Environmental Professional in Bag Filters Operation
- CePSO** = Course for Certified Environmental Professional in Scrubbers Operation
- CePIETSO – BP** = Course for Certified Environmental Professional in the Operation of Industrial Effluent Treatment Systems (Biological Treatment Process)
- CePIETSO – PCP** = Course for Certified Environmental Professional in the Operation of Industrial Effluent Treatment Systems (Physical Chemical Treatment Process)
- CePPOME** = Course for Certified Environmental Professional in the Treatment of Palm Oil Mill Effluent (Pond Processes)
- CePSTPO** = Course for Certified Environmental Professional in Sewage Treatment Plant Operation
- CePLTPO** = Course for Certified Environmental Professional in Leachate Treatment Plant Operation
- CePSWaM Automotif** = Course for Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (Automotif)

** Please submit together with Certificate of Attendance.

***If invoice is required. EiMAS accept all kind of payment mentioned in the form. Payment should be make prior to the re-sit. The candidates may not be eligible to re-sit the examination if the payment is not being made. Examination fee has to be submitted together with this application. Fees are not refundable.

You may send the completed application via facsimile or e-mail (khairuldin@doe.gov.my).

EiMAS has the right to reject incomplete application.